

## Banjir Kuala Lumpur 1971

- » Pada 5 Januari 1971, Kuala Lumpur boleh diibaratkan seperti berada di tengah-tengah lautan apabila sebahagian besar ibu negara ditenggelami air.
- » Perdana Menteri pada ketika itu, Tun Abdul Razak mengumumkan negara berada dalam keadaan bencana kebangsaan dan Markas Darurat Banjir telah ditubuhkan di bangunan Parlimen sebagai persediaan menghadapi kemungkinan yang lebih buruk.
- » Menteri Tugas-tugas Khas, Tan Sri Ghazali Shafie dilantik mengetuai Markas Darurat Banjir itu.
- » Seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dilanda banjir kecuali Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
- » Banjir hanya surut seminggu kemudian selepas mengorbankan sebanyak 57 orang dan menyebabkan kerugian harta benda kira-kira RM84.7 juta.



BANGUNAN Sultan Abdul Samad dinaiki air setinggi 1.83 meter pada bencana banjir 1971.

- » Lebih daripada 90,000 orang telah dipindahkan di seluruh negara akibat banjir itu.
- » Bencana itu boleh disifatkan sebagai terburuk di Kuala Lumpur kerana Bangunan Sultan Abdul Samad dinaiki air setinggi 1.83 meter berbanding 1.22 meter pada 1926.
- » Bangunan Kelab Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Daerah Kuala Lumpur, Jabatan Penerangan, Bank Negara dan Pejabat Pos Malaysia antara yang terjejas akibat kejadian tersebut.
- » Beberapa laluan utama seperti Jalan Melaka, Jalan Pekeliling, Jalan Ampang, Jalan Campbell (Dang Wangi), Jalan Bangsar dan Jalan Sultan Mohammad antara yang terputus hubungan dengan kawasan luar.
- » Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat, Kampung Paya, Kampung Abdullah Hukum, Kampung Padang dan Kampung Bahagia antara kawasan yang terjejas teruk.
- » Tindakan pantas anggota tentera, polis dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) menyelamatkan banyak nyawa kerana air mula naik pada tengah malam.
- » Siaran Radio Malaysia untuk saluran Bahasa Malaysia dan Inggeris tidak kedengaran sepanjang hari tersebut.